

29 JUL 1999

Mahathir-Meritokrasi

AMALAN MERITOKRASI JIKA MALAYSIA DIJAJAH SEMULA, KATA DR MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia terpaksa menerima sistem meritokrasi yang diagung-agungkan oleh Barat sekiranya rakyat membiarkan kuasa asing "menjajah semula" negara ini.

Katanya walaupun negara sudah merdeka tetapi kemerdekaan itu belum tentu akan dapat dinikmati selama-lamanya kerana kuasa asing boleh menjajah semula sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

"Dan percubaan (untuk menjajah semula) sudah dibuat walaupun mereka menafikannya dan marah apabila kita tuduh mereka cuba menjajah semula. Tetapi yang jelas percubaan sudah dibuat," katanya pada majlis perjumpaan dan dialog dengan pegawai-pegawai kerajaan negeri dan persekutuan di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Terengganu, berkata sekiranya negara tidak mampu mempertahankan kebebasannya ia terpaksa tunduk kepada tekanan kuasa asing khususnya Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang dipengaruhi oleh sebuah kuasa besar dunia.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, sekiranya negara menyerah kepada IMF ia akan menghentikan proses keseimbangan sosial yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan perbezaan antara kaum mengikut Dasar Ekonomi Baru dan mengarahkan supaya dihentikan subsidi yang diberikan kepada rakyat.

Dr Mahathir berkata kuasa asing akan memaksa Malaysia supaya mengamalkan sistem meritokrasi yang akan menyebabkan golongan pandai, cekap dan kaya akan bertambah pandai, cekap dan kaya sedangkan yang miskin akan terus menjadi miskin.

"Inilah dasar yang diagung-agungkan negara lain," katanya.

Katanya di Malaysia kerajaan berpendapat yang kaya dan cekap boleh terus maju tetapi pada masa yang sama yang miskin mesti dibantu.

Kerana itu, katanya, kaum Bumiputera di negara ini dibantu daripada segi perniagaan dan pendidikan dan telah ramai daripada mereka kini memegang jawatan besar dan penting seperti menjadi profesor dan naib canselor.

"Apakah keadaan itu akan dapat dicapai sekiranya dasar meritokrasi dilaksanakan di mana kaum Bumiputera terpaksa menduduki ujian tertentu bersama-sama kaum lain untuk menyandang sesuatu jawatan itu.

"Jika itu dilaksanakan ramai (Bumiputera) akan kehilangan jawatan, anak-anak tidak dapat pergi ke universiti dan tidak dapat menjadi profesor dan pensyarah," katanya.

Beliau berkata keadaan itu tidak berlaku kerana kerajaan melalui DEB memberi peluang kepada orang Melayu untuk bekerja dan berniaga.

"Kalau (peluang) ini dihapuskan, saya yakin orang Melayu dan Bumiputera akan menjadi pekerja manual dan tidak akan dapat memegang jawatan-jawatan yang kita pegang hari ini," katanya.

Beliau berkata walaupun begitu, terdapat ramai di kalangan mereka yang telah berjaya itu kini mengecam kerajaan dan tidak mensyukuri bahawa tanpa kerajaan, mereka tidak akan dapat bekerja dan menyandang jawatan tinggi.

Mereka mengecam kerajaan kononnya kerajaan yang ada tidak baik dan mereka diajar oleh pihak tertentu supaya jangan berterima kasih.

"Saya amat kecewa dengan ajaran seumpama ini. Kita jangan fikir kita sampai ke tempat ini kerana kebolehan kita sendiri.

"Mereka memang berkebolehan tetapi kalau kita adakan ujian untuk

jawatan-jawatan besar dalam universiti, saya yakin tak ramai yang akan mendapat jawatan itu. Sebab itu jangan terburu-buru untuk menerima hasutan daripada orang-orang yang hanya mencari tempat dalam kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata walaupun ramai orang hendak menjadi menteri dan perdana menteri, jawatan-jawatan itu bukanlah sebagai hiasan tetapi diguna untuk membangun serta mempertahankan negara dan bangsa.

"Bukan untuk dipanggil Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, boleh naik Mercedes dan duduk di mahligai, bukan itu tujuannya. Tujuannya ialah untuk mempertahankan negara supaya cubaan untuk menjajah semula negara dapat ditangkis," katanya.

Terdahulu itu, beliau berkata penyalahgunaan kuasa oleh rakyat boleh membinasakan diri mereka dan juga negara, dan oleh itu, kuasa perlu digunakan secara berhati-hati.

Mengikut amalan demokrasi, rakyat diberi kuasa untuk menentukan kerajaan tetapi jika mereka tidak berhati-hati ia boleh mendatangkan keburukan kepada mereka dan negara, katanya.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat bahawa pihak tertentu akan terus menghasut mereka supaya "menyelewengkan" kuasa yang ada di tangan mereka.

Menurutnya antara penyelewengan kuasa oleh rakyat ialah membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh janji-janji tertentu sehingga mereka mengambil sesuatu keputusan yang akhirnya membinasakan diri mereka.

Dr Mahathir juga mengajak rakyat membuat bandingan antara kemudahan dan nikmat yang telah diterima mereka selepas 42 tahun merdeka dengan masa negara dijajah dahulu.

"Rakyat menikmati pembangunan kerana telah memilih kerajaan yang bertanggungjawab sedangkan kemudahan-kemudahan seumpama itu tidak terdapat di negara lain," katanya.

-- BERNAMA

SN KHY MAI